

08/04/1999

Tafsiran salah mengenai Islam punca mundur

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tafsiran yang salah mengenai Islam menghalang umatnya daripada mencapai kemajuan dan bersaing dengan penganut agama lain.

Menurut Perdana Menteri, sepanjang sejarah Islam yang menjangkau 1,400 tahun, ada banyak tafsiran yang salah mengenai agama itu.

"Orang Melayu beragama Islam, tetapi Islam mempunyai banyak tafsiran. Ahli politik Islam mentafsir Islam untuk menjadikannya alasan bagi apa yang dilakukan mereka. Ia boleh jadi salah," tulis Dr Mahathir dalam rencananya dalam akhbar Jepun, Mainichi Daily News, semalam.

Rencana Dr Mahathir dalam ruangan Pendapat/Analisis bertajuk 'Analisis Dunia Dr Mahathir' diterbitkan pada Isnin pertama setiap bulan dalam edisi bahasa Jepun dan bahasa Inggeris, di samping melalui Internet.

"Mereka mahu melakukan sesuatu yang tidak selaras dengan Islam, tetapi bagi mendapatkan penerimaan orang ramai, mereka kata 'ini selaras dengan Islam.' Jika ia dilakukan pemimpin agama, orang ramai cenderung untuk mempercayainya," katanya.

Dr Mahathir berkata, Islam sudah memberi kekuatan kepada orang Arab ketika mereka mula-mula memeluk agama itu. Jadi, Islam bukanlah alasan kepada kemunduran umatnya.

"Orang Islam menjadi mundur kemudiannya kerana Islam diberi tafsiran yang salah oleh individu yang mempunyai tujuan tersendiri.

"Jadi apa yang cuba kami lakukan di sini ialah untuk kembali kepada tafsiran yang tulen dan sebenar mengenai Islam, yang membolehkan bangsa Arab menjadi maju dan menubuhkan tamadun begitu agung," katanya.

Dr Mahathir juga menulis penuntut hari ini beranggapan menjadi hak mereka untuk ke universiti, tetapi tidak memikirkan mengenai tanggungjawab mereka untuk belajar.

Katanya, masalah kini bukannya peluang untuk pelajar, tetapi hasrat seseorang sama ada mahu mendapatkan pendidikan lebih baik atau sebaliknya.

"Apabila saya melanjutkan pelajaran ke universiti di Singapura, saya dianggap sebagai seorang daripada penuntut paling bernasib baik di Malaysia. Pada ketika itu, sangat sedikit pelajar Bumiputera pergi ke universiti dan mendapat biasiswa, jadi saya bernasib baik mendapatnya," kata beliau.

Beliau berkata, keadaan itu sudah berubah hari ini kerana ada beribu-ribu biasiswa, sama ada di dalam atau luar negara.

Menurut Dr Mahathir, sesetengah daripada penuntut itu terbabit dalam kegiatan yang memesongkan perhatian mereka daripada pelajaran seperti politik atau demonstrasi atau berdebat bagaimana negara harus ditadbir.

(END)